

1. Bahasa: Keluar

Istilah: Seseorang yang keluar daripada kawasan bermukim menuju ke sesuatu tempat yang jaraknya melebihi dua marhala.

2. Firman Allah SWT, maksudnya: "Berjalanlah kamu di muka bumi, lalu perhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang berdosa." (Surah al-Naml, ayat 69)

- 3. (a) Wajib
- (b) Sunat
- (c) Harus
- (d) Makruh
- (e) Haram

4. • Untuk tujuan dan niat yang baik

- Mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga
- Disunatkan perbanyakkan berdoa sepanjang bermusafir
- Menyediakan bekalan dan keperluan secukupnya
- Tidak meninggalkan solat fardu

5. (a) Perjalanan diberkati Allah SWT

- (b) Memberi ketenangan hati
- (c) Perjalanan menjadi mudah dan lancar

6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- 1. D
- 2. D

Bahagian E

- 1. (a) (i) tujuan
- (ii) doa
- (iii) Sunat
- (iv) tiga

- (b) Tidak ada alasan bagi orang bermusafir untuk meninggalkan solat kerana Allah telah memberi rukhsah kepada orang bermusafir untuk mengerjakan solat secara jamak dan qasar. Rukhsah ini jelas menunjukkan bahawa Allah amat kasih kepada hamba-Nya. Oleh itu, kita hendaklah menjaga adab ketika bermusafir terutama tentang ibadah solat agar hidup diberkati Allah SWT.
- (c) (i) Perjalanan diberkati Allah SWT
- (ii) Memberi ketenangan hati

POWER KBAT

- 1. Uthman boleh melakukan rukhsah solat ketika bermusafir, iaitu melakukan solat secara jamak atau qasar supaya kewajipan menunaikan solat dapat dilaksanakan. Hal ini kerana walaupun seseorang itu bermusafir tetapi dia masih diwajibkan menunaikan solat fardu seperti biasa. Oleh itu, kita hendaklah menjaga adab bermusafir agar hidup diberkati oleh Allah SWT.
- 2. Sentiasa mengingati Allah ketika bermusafir seperti berzikir dan mendengar bacaan al-Quran membolehkan kita mendapat pemeliharaan Allah SWT sepanjang bermusafir. Hal ini kerana mereka yang lalai tidak menjaga adab ketika bermusafir akan memudahkan dirinya mendapat gangguan syaitan. Oleh itu, kita hendaklah berdoa sebelum bermusafir agar segala urusan dipermudahkan Allah SWT.
- 3. Orang yang memahami hikmah permusaferan semestinya akan memikirkan rezeki dalam bentuk kewangan yang diberikan oleh Allah SWT. Setiap rezeki seperti membeli tiket kapal terbang, menempah bilik penginapan dan persiapan ke arah permusaferan itu telah ditentukan. Sebagai contoh, ada kala kita tidak mempunyai wang ketika hendak membuat keputusan bermusafir, tetapi akhirnya beberapa hari sebelum bertolak tentunya pelbagai rezeki akan dikurniakan sebelum bertolak ke satu-satu tempat. Oleh itu, kita hendaklah berniat bermusafir kerana Allah SWT agar rezeki tidak akan kurang sedikit pun.